



**GEREJA KRISTUS LIKAS**

*Mengenal dan Memperkenalkan Kristus*

**Bisyp: Bisyp Datuk Melter Jiki Tais**

**Rektor: Archdekan Moses Chin**



**Hubung**

**P.O. Box 18510, Pejabat Pos Besar Kota Kinabalu,  
88670 Kota Kinabalu, Sabah**

**Pejabat: 088-426312, 213220 | Mudah alih: 019-6611558**

**<http://christchurchlikas.org/> | [cclikas@gmail.com](mailto:cclikas@gmail.com)**

## **Minggu Palma - 24 Mac 2024**

### **Doa Hari Ini**

Allah Mahakuasa dan kekal, di dalam kasih-Mu yang lemah lembut terhadap manusia, telah mengutus Anak-Mu Penyelamat kami Yesus Kristus menjadi manusia untuk menderita maut di atas kayu salib; perkenankan kami untuk mengikut teladan kesabaran dan kerendahan-Nya, dan juga mengambil bahagian dalam kebangkitan-Nya, melalui Yesus Kristus Tuhan kami. Amin



**Lihatlah Rajamu datang !  
Selamat Hari Minggu Palma.**

Kebaktian BM disiarkan **secara langsung, 11:30 pagi.:**

- YouTube: [https://www.youtube.com/](https://www.youtube.com/@christchurchlikas/streams)

[@christchurchlikas/streams](https://www.youtube.com/@christchurchlikas/streams)

Selamat datang ke dalam perkumpulan umat Tuhan.  
Kita bersama-sama beribadah kepada Tuhan Yesus yang telah bangkit  
dan mendorong satu sama lain untuk mentaati-Nya.

## 1. MINGGU PALMA

Hari ini, kita bergabung dengan orang Kristian di seluruh dunia bersama-sama untuk memperingati Kedatangan Yesus ke kota Yerusalem, yang biasanya dikenali sebagai Minggu Palma. Daun Salib Palma akan diedarkan. Ambil seberapa banyak yang anda perlukan. Kami berterima kasih kepada mereka yang meluangkan masa berjam-jam untuk membuatnya kelmarin.


- Secara purata, setiap hari terdapat lebih 40 orang menyertai (di gereja & dalam talian), Doa Harian Musim Puasa.
- Keseluruhan Alkitab, dari Kejadian hingga Wahyu, telah dibacakan dengan bersuara di gereja, oleh sekumpulan pembaca yang terdiri daripada kanak-kanak, muda-mudi, belia, dan dewasa. Pembacaan sampai selesai telah mengambil masa 109 jam, dan lebih 215 slot!




## 2. KEBAKTIAN-KEBAKTIAN MINGGU SUCI

Minggu Palma juga menandakan permulaan Minggu Suci atau Kesengsaraan - minggu di mana Yesus mati dan dibangkitkan. Sila galakkan satu sama lain untuk menjalani minggu ini dengan cara ibadah yang bermakna. Hubungi mereka yang memerlukan perhatian khusus akan pelayanan kasih kita. Kebaktian-kebaktian kita:

- 28 Mac, Khamis Suci, 8:00 mlm - Kebaktian Perjamuan Kudus
  - BC - Dewan Alpha
  - BI - Dewan Omega
  - BM - Gereja
- 29 Mac, Jumaat Agung
  - 6:00 pg - Kebaktian Kesyukuran di tanah perkuburan Anglikan
  - 3-jam Renungan Kebaktian Jumaat Agung: 'Watak-watak Salib'
    - \* 12:00 tgh hri-1:00 ptg - BC
    - \* 1:00 ptg-2:00 ptg - BI
    - \* 2:00 ptg-3:00 ptg - BM



- 30 Mac, Sabtu Suci, 2:00 ptg - Mesyuarat Agung Tahunan
- 31 Mac, Hari Paskah - Kebaktian pada ketetapan biasa; disusuli dengan jamuan makan.



### 3. MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

Mesyuarat Agung Tahunan kita yang ke-54, akan diadakan pada Sabtu depan, **30 Mac, Sabtu Suci, Dewan Omega, pukul 2:00 ptg**. Buku laporan sudah siap. Sila dapatkan naskah salinan anda; dan bawa bersama untuk MAT. Berdoalah untuk masa keluarga yang penuh manfaat bersama-sama.

### 4. PEMBAPTISAN

Kami mengalu-alukan kanak-kanak yang berikut yang telah dibaptiskan pagi ini, di Kebaktian CH:

- Chan Ho Ying & Chan Ho Yau - anak Perempuan kembar dari Chan Yan Kit & Lu Yu Chin.
- Evelyn Jia-Wen Tung - anak Perempuan dari Daryl Tung & Lu Yu Chiu.

### 5. PELAYANAN-PELAYANAN PENTING

- **Pelayanan Kampus** - 24 Mac; pertemuan selepas Kebaktian, 1:15 pm. Jika anda adalah pelajar-pelajar kolej atau universiti, kami mau melayani anda.
- **Evergreens** - 6 Apr; Persekutuan warga emas BC&BI, Omega, 9:30 pg.
- **Muda-mudi Inggeris** - 10-11 Apr; beretret di Kundasang. Tema: 'Perumpamaan tentang Harta Tersembunyi'. Aktiviti termasuklah memasak makanan sendiri, mendaki/bersiar-siar ke kampung tempatan, tidur di dalam khemah, belajar Alkitab dan banyak lagi.

### 6. INFORMASI BERITA DIOSIS

- 9-12 Apr - Konferensi Paderi Anglikan Cina Sedunia, Taiwan. Kira-kira 30 paderi dan isteri mereka akan menyertainya.
- 10-12 April - Konferensi Doa BM, Gereja St. Patrick, Tawau. Tema: Impak Penerobosan. Pendaftaran kita seramai 50 orang.
- 30 April-2 Mei - Konferensi Belia BC & BI, Katedral All Saints, KK. Dibuka untuk pendaftaran. RM200 per orang. Ada Subsidi disediakan.
- 28-30 Mei - Khemah Muda-mudi BC & BI, Sekolah Visi, Tawau. Terbuka untuk pendaftaran. RM135 seorang.



**UNTUK PEMBERIAN DALAM TALIAN**

**RHB Bank | 2-10103-0001913-1**

**Christ Church Likas**

**Boost: <https://myboost.app.link/FPvG94VIT4>**



## LIHATLAH RAJAMU DATANG

"Lihatlah, Rajamu datang, duduk di atas seekor anak keledai." - Yoh 12:15

Judul: **Respon Terhadap Raja** - Yoh 12:12-19

1. **Respon Orang Banyak** - Yoh 12:12-13, 19:6
2. **Respon Para Murid** - Yoh 12:14a, Mat 21:2-3, 6-7, Markus 14:50
- \* Kesimpulan: Kasih Tuhan kepada semua;  
Yoh 21:15-17 "Simon, anak Yohanes, apakah engkau mengasihi Aku?"

### Untuk renungan dan perbincangan:

1. Jika bapa saudara anda adalah orang terkaya di negeri ini, apakah yang anda harapkan daripadanya? Bayangkan ... dan kongsi. Haha!
2. Ketika Yesus masuk ke Yerusalem, Ia disanjung dan dipuji. Mengapa orang ramai mengelu-elukan-Nya?
3. Yoh 12:14 "Yesus menemukan seekor keledai muda lalu Ia naik ke atasnya, seperti ada tertulis" Apakah makna Yesus sebagai Raja masuk ke Yerusalem dengan menunggang keldai?"
4. Ketika kita membaca injil Matius 21:2-3,6-7, Apakah pelajaran iman yang dapat menguatkan Iman kita?
5. Respon para murid dan orang ramai ketika Yesus masuk ke Yerusalem penuh dengan pujian dan sanjungan. Tetapi ketika Yesus sedang disalibkan, respon ini berubah. Bincangkan.
6. Apa yang dapat kami fahami tentang kasih Yesus melalui perjumpaan Yesus dengan Petrus dalam injil Yohanes 21:15-17?

## UNTUK DIDOAKAN

### Dunia kita yang tercinta

- untuk ibadah Minggu Suci dapat dijalani secara aman dan tenteram [agar kematian dan kebangkitan Yesus sepenuhnya dapat dimengerti dan diimani]

### Negeri Sabah yang tercinta

- untuk hujan  
[semoga Allah yang penuh kemurahan hati akan menurunkan hujan kepada kita]

### Diri sendiri

- untuk kerendahan hati dalam kita melayani masyarakat sekeliling [agar kita semakin dibentuk menjadi seperti Yesus]  
- berdoa untuk mereka yang dalam kelemahan tubuh, minda atau rohani; dan untuk 5 sahabat kita. Namakan mereka dalam doa anda.